

12/03/2003

Usaha tarik penyewa Menara Telekom

TM Facilities Sdn Bhd (TM Facilities), anak syarikat Telekom Malaysia Bhd

(Telekom) sedang berunding bagi menyewakan ruang pejabat di Menara Telekom

kepada Penerbangan Malaysia Bhd (PMB) dan Unilever.

Selain menjadi ibu pejabat Telekom Malaysia dan anak syarikatnya, ruang

pejabat di menara itu ketika ini sudah menempatkan pejabat syarikat pengimport dan pengedar kenderaan Mercedes-Benz, DaimlerChrysler Malaysia

Sdn Bhd, syarikat perkapalan Hapag Lloyd dan TNB IT Sdn Bhd.

Pengurus Besar Pembangunan Hartanah dan Perundingan TM Facilities, Haslina Jalaluddin, berkata Menara Telekom mempunyai empat zon ruang pejabat dan ruang runcit merangkumi kedai, kafe, pusat makanan dan restoran keluarga untuk disewakan.

"Kami sedang mengadakan perbincangan dengan bakal penyewa," katanya ketika memberikan taklimat sempena lawatan media ke Menara Telekom di Jalan Pantai Bahru, Kuala Lumpur, semalam.

TM Facilities adalah pengurus menara berkenaan.

Haslina berkata, apabila ruang pejabat di Menara Telekom dihuni sepenuhnya, jumlah pekerja di menara itu dianggarkan berjumlah 6,000, berbanding hanya kira-kira 3,000 sekarang.

Haslina berkata, menara pintar bernilai kira-kira RM700 juta itu dilengkapi dengan sistem pengurusan pejabat bersepadu (IBMS) yang mengurus

dan memantau pelbagai sistem pengurusan bangunan seperti keselamatan, lif,

elektrik dan lain-lain aspek penyelenggaraan kejuruteraan bangunan.

Ruang pejabat di menara yang seni binanya menyerupai pucuk rebung itu mempunyai ruang yang luas untuk memudahkan pereka hiasan dalaman menghias

ruang, katanya.

Beliau berkata, ruang pejabat untuk disewa terletak di Zon 1 merangkumi

tingkat 17 dan 18 dengan keluasan lantai antara 777 meter persegi dan 2,061 meter persegi.

Zon 2 pula adalah dari tingkat 19 hingga tingkat 36, Zon 3 terletak di tingkat 37 hingga 49 dan Zon 4 di tingkat 50 hingga tingkat 53.

Ruang kedai dan kafe terletak di aras LG1, pusat makanan di tingkat tiga

manakala restoran keluarga di tingkat empat.

Selain mempunyai prasarana telekomunikasi termaju, Menara Telekom turut

dilengkapi auditorium dan lain-lain kemudahan untuk kakitangan seperti gimnasium, surau dan pusat penjagaan kanak-kanak.

Menara Telekom setinggi 77 tingkat itu dirasmikan Perdana Menteri, Datuk

Seri Dr Mahathir Mohamad pada 10 Februari lalu.

